

29 APR 1998

DR MAHATHIR UCAP TAHNIAH KEPADA PM TUVALU

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengirinkan ucapan tahniah kepada Bikenibeu Paeniu kerana kemenangannya pada pilihan raya baru-baru ini dan pelantikan semula beliau sebagai Perdana Menteri Tuvalu.

Dalam perutusan itu, yang dikeluarkan Kementerian Luar hari ini, Dr Mahathir melahirkan harapan untuk bersama-sama memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin antara Malaysia dan Tuvalu.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengirim perutusan yang serupoa kepada Paeniu yang juga Menteri Luar Dan Imigresen Tuvalu, sebuah pulau di Lautan Pasifik yang terletak ke utara Fiji.

-- BERNAMA

MAM NMO